

**MAQASID SHARIAH IN MUSLIM FAMILY WELLBEING: A PRELIMINARY STUDY**

**MAQASID SYARIAH DALAM KESEJAHTERAAN KELUARGA MUSLIM: SATU TINJAUAN AWAL**

Abdul Wahab Md. Ali<sup>i</sup>, Wan Mohd Yusof Wan Chik<sup>ii</sup>, Ahmad Ridha Alias<sup>iii</sup>, Razi Yaakobi<sup>v</sup> & Mohd Sufian Mokhtar<sup>v</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). [abdwahabali@unisza.edu.my](mailto:abdwahabali@unisza.edu.my)
- <sup>ii</sup> Profesor Madya, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin; Timbalan Pengerusi, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). [mohdyusof@unisza.edu.my](mailto:mohdyusof@unisza.edu.my)
- <sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). [raziyaakob@unisza.edu.my](mailto:raziyaakob@unisza.edu.my)
- <sup>iv</sup> Pelajar Sarjana, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). [ridha3652@gmail.com](mailto:ridha3652@gmail.com)
- <sup>v</sup> Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). [sufianmokhtar@unisza.edu.my](mailto:sufianmokhtar@unisza.edu.my)

<b>Abstract</b>	<p><i>Islam as 'a way of life' religion is seen to give special emphasis to the institution of the family. Without a prosperous family institution, the potential of an individual to become a human being who contributes to the development of the nation will be disrupted. Since family well-being is closely related to the principle of priority, a thorough examination of the aspects of Maqasid Syariah needs to be explored. Thus, this study will make a review of several issues around family well-being and Maqasid Syariah. This qualitative study will highlight the works of fiqh, Maqasid Shariah and contemporary studies in Malaysia using inductive and deductive methods. As a result, the study found that there are significant implications when there is neglect of the construction of Islamic family institutions in general as well as neglect of the application of Maqasid Shariah in family well-being in particular. The study also brings some examples of elements of family well-being in the books of fiqh, Maqasid Shariah and contemporary studies. Therefore, in order to understand more clearly about Maqasid Shariah in family well-being, a serious study and a more focused guideline need to be made to ensure that it can be applied in the context of contemporary society.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Maqasid, Shariah, Welfare, Family, Institution.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Islam sebagai sebuah agama cara hidup dilihat memberikan penekanan yang khusus terhadap institusi kekeluargaan. Tanpa sebuah institusi keluarga yang sejahtera, potensi seseorang individu untuk menjadi manusia yang menyumbang kepada pembangunan negara akan terganggu. Oleh kerana kesejahteraan dalam keluarga berkait rapat dengan prinsip keutamaan dalam tuntutan, satu penelitian yang tuntas dari aspek Maqasid Syariah perlu diteroka. Justeru, kajian ini akan membuat tinjauan terhadap beberapa isu sekitar kesejahteraan keluarga dan Maqasid Syariah. Kajian berbentuk kualitatif ini akan membuat sorotan kepada karya-karya fiqh, Maqasid Syariah dan kajian kontemporari di Malaysia menggunakan metode induktif dan deduktif. Hasilnya, kajian mendapati wujud implikasi yang besar apabila</i></p>

	<p><i>berlaku pengabaian terhadap pembinaan institusi kekeluargaan Islam secara umum serta pengabaian terhadap aplikasi Maqasid Syariah dalam kesejahteraan keluarga secara khusus. Kajian juga mendatangkan beberapa contoh elemen kesejahteraan keluarga dalam kitab-kitab fiqh, Maqasid Syariah dan kajian kontemporari. Justeru demi memahami dengan lebih jelas berhubung Maqasid Syariah dalam kesejahteraan keluarga, satu kajian yang serius dan satu garis panduan yang lebih terfokus perlu dibuat demi memastikan ia mampu diaplikasi dalam konteks masyarakat kontemporari.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Maqasid, Syariah, Kesejahteraan, Keluarga, Institusi.</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

(الأمور بمقاصدها)

*Maksudnya: Setiap urusan adalah berdasarkan matlamat-matlamatnya* (Al-Suyuti, 2006).

Ungkapan ini merupakan satu kaedah fiqh yang sangat penting dalam proses memahami dan menghayati syariat Islam secara syumul. Secara umumnya, kaedah ini menjelaskan berhubung kepentingan memiliki niat serta matlamat yang jelas sebelum melaksanakan sesuatu urusan. Ia bertepatan dengan perumpamaan Melayu yang berbunyi ‘tembak yang beralamat, tujuan yang bermaksud’ (Abdullah Hussain, 2016). Kegagalan memahami kaedah ini bukan sahaja akan memberikan impak terhadap hubungan seorang individu dengan tuhanya bahkan turut menjejaskan hubungan sesama manusia termasuklah dalam konteks kehidupan berkeluarga.

Islam sebagai agama cara hidup (*way of life*) yang berpaksikan prinsip ‘meraih masalah dan mencegah mafsadah’, memberikan penekanan yang khusus terhadap institusi kekeluargaan atau pembinaan keluarga Muslim. Ini terbukti apabila kaedah asas penetapan sesuatu hukum berhubung soal kekeluargaan atau perkahwinan adalah haram (*al-tahrim*) sebaliknya dalam urusan yang lain asasnya adalah harus (*al-ibahah*) (Al-Suyuti, 2016). Antara matlamat khas dalam pembinaan sesebuah keluarga menurut Muhammad Uqlah (1991) adalah ketenteraman, cinta dan belas kasihan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan berasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya antaramu rasa cinta dan belas kasihan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir"* (al-Quran. Al-Rum: 21).

Nasih Ulwan (2008) menyimpulkan tiga elemen ini sebagai punca ketenteraman rohani dan naluri yang memberikan implikasi terhadap masalah kemasyarakatan. Selain menjadi teras dalam pembangunan institusi kekeluargaan, ia turut berfungsi sebagai pemangkin kepada kelangsungan hidup manusia yang bukan hanya makhluk individu bahkan merupakan makhluk sosial yang menyatu dan berinteraksi di tengah-tengah masyarakat (Nur Zahidah, 2011).

Masyarakat berperanan sebagai satu penanda aras bagi melihat dengan jelas prestasi individu sebagai sebahagian daripada keluarga. Keharmonian masyarakat umumnya bermula daripada institusi keluarga yang mampu mewujudkan ketenangan dan kemantapan hidup bersama berasaskan kepada hubungan baik dan rasa kasih sayang antara satu sama lain. Dalam erti kata lain, masyarakat yang harmoni mestilah terbina daripada institusi keluarga yang bahagia dan harmoni.

Pembinaan sebuah keluarga yang sejahtera juga merupakan sebahagian daripada matlamat akhir atau maqasid dalam pensyariat Islam. Ia bukan sahaja tampil dengan peraturan, disiplin dan tatacara yang terperinci berhubung keluarga sejahtera bahkan turut menjelaskan matlamat dan prioriti yang perlu dititikberatkan oleh setiap individu

dalam kehidupan berkeluarga. Perkara inilah yang sering diabaikan oleh kebanyakan masyarakat lantaran kurangnya pendedahan berhubungnya.

### **REALITI KESEJAHTERAAN KELUARGA DAN MAQASID SYARIAH**

Kesejahteraan keluarga merupakan satu istilah yang agak luas skop pemahamannya serta boleh membawa erti yang berbeza-beza bergantung kepada situasi penggunaannya. LPPKN (2013) mendefinisikannya sebagai suatu keadaan keluarga di suatu negara yang berada pada tahap yang selamat, sihat, selesa, harmoni dan mendamaikan. Dalam konteks Islam, al-Zuhayli mendefinisikan kesejahteraan keluarga dengan keadaan keluarga yang sentiasa iltizam dengan undang-undang yang disyariatkan Allah serta berpegang teguh dengan akhlak dan adab Islam. Ahli keluarga tersebut berusaha untuk kebaikan dunia dan akhirat, berusaha untuk hidup dalam masyarakat dengan baik untuk mencapai kebahagiaan dunia dan kemuliaan akhirat (Al-Zuhayliyy, t.th).

Maqasid Syariah pula secara umumnya bermaksud tujuan pensyariaan dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukumnya (Al-Fasiyy, 1993). Definisi ini dilihat tidak banyak perbezaan dengan apa yang disebut oleh Ibn Ashur (2001), al-Raysuniyy (2000), al-Khadimiyy (2001), Ibn Bayyah (2012) mahupun al-Qarafiyy (2010).

Manusia secara normalnya dilahirkan dan dibesarkan dalam satu institusi keluarga. Tanpa institusi keluarga ataupun dengan sebuah institusi keluarga yang bermasalah, potensi seseorang individu untuk menjadi manusia yang menyumbang kepada pembangunan negara akan terganggu. Justeru tidak hairanlah, negara bahkan dunia secara global kini berhadapan dengan kelahiran individu-individu yang memudaratkan komunitinya lantaran kerapuhan institusi kekeluargaan.

Keretakan institusi keluarga dalam kalangan masyarakat kini semakin membimbangkan dengan peningkatan kes-kes perceraian, perbuatan curang suami isteri, penderaan anak, permasalahan juvana, wabak AIDS yang semakin menular, masalah warga tua yang kesepian hidup dan lain-lain gejala sosial yang negatif (Abdullah Sulong, 2010). Masalah dalaman keluarga turut dikesan sebagai penyebab utama berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja di samping masalah penderaan terhadap ahli keluarga, kes lari dari rumah, salah laku anak-anak di luar rumah serta jenayah dalam kalangan anak-anak (Jawiah Dakir, 1996).

Fakta ini secara tidak langsung telah membenarkan kenyataan NÉsiah Ulwan (2008) bahawa institusi keluarga yang menyimpang daripada fungsinya yang sebenar akan menghilangkan nilai kesejahteraan dalam diri anak-anak dan ibu bapa. NÉsiah Ulwan (2008) menyebutkan bahawa antara penyelewengan yang berpunca daripada keruntuhan institusi keluarga ialah masalah penyalahgunaan dadah. Menurut beliau, jika gejala penyalahgunaan dadah tertimpa ke atas anak-anak, ia sebenarnya disebabkan kelalaian ibu bapa mereka sendiri. Walaupun statistik daripada AADK (2015) tidak menjadikan faktor keluarga sebagai salah satu punca penyalahgunaan dadah, namun realiti yang ada menunjukkan keluarga tetap memainkan peranan. Kajian-kajian dari Barat ternyata menyokong pernyataan ini.

Gabriele Schafer (2011) mendapati empat tema yang menjadi punca kepada penagih dadah iaitu pengalaman trauma semasa kecil dan kesukaran hidup semasa dewasa, konflik hubungan dengan ibubapa semenjak kecil sehingga dewasa, gangguan psikologi dalam hubungan dengan pasangan serta gangguan dalam peranan ibubapa. Menurut beberapa pengkaji seperti Tee, Wiener, Egen, Friedman dan Beschner, majoriti penagih dadah berasal daripada keluarga yang berpecah-belah akibat daripada perceraian, perpisahan atau kematian ketua keluarga. Kajian Russell pula mendapati anak-anak yang kurang mendapat kasih sayang daripada ibu bapa besar kemungkinan akan terlibat dengan tingkah laku devian terutamanya tingkah laku penyalahgunaan dadah (Al-Hadi, 1993).

Walaupun kajian-kajian ini merupakan kajian-kajian luar negara yang tidak melihat dari konteks kekeluargaan Islam, namun ia sudah cukup menggambarkan betapa

sebuah institusi keluarga yang tidak memainkan peranan yang sebenar boleh memberikan implikasi yang besar terhadap seseorang individu.

Sa'id Hawwa (1988) menegaskan bahawa jika penumpuan terhadap individu itu penting, maka penumpuan terhadap keluarga adalah terlebih penting. Apabila penumpuan terhadap pembangunan keluarga dilaksanakan, akan muncullah satu ketamadunan yang istimewa serta satu sistem peradaban Islam yang boleh dinikmati setiap Muslim. Justeru, bagi memulihkan semula penyakit ini, institusi keluarga perlu memainkan semula peranannya yang sebenar.

Oleh kerana kesejahteraan dalam keluarga berkait rapat dengan prinsip keutamaan dalam tuntutan serta pemahaman yang menyeluruh terhadap nas syarak, satu penelitian yang tuntas dari aspek Maqasid Syariah perlu diteroka. Terutamanya apabila ia melibatkan proses aplikasi ilmu Maqasid Syariah ke dalam ilmu-ilmu yang lain. Maqasid Syariah bukan sekadar satu cek kosong yang boleh ditentukan dengan begitu sahaja harganya tetapi suatu pendekatan yang banyak syaratnya (Mahmood Zuhdi, 2017). Al-Qaradawi (2006) menjelaskan bahawa terdapat dua aliran yang menyimpang dalam soal pemakaian ilmu Maqasid Syariah. Aliran pertama ialah golongan yang menolak kewujudannya manakala aliran kedua ialah golongan yang menerima tetapi menyeleweng dalam pemakaian ilmu Maqasid Syariah.

Antara bentuk kesilapan dalam pemakaian ilmu Maqasid Syariah ialah kegagalan meletakkan limitasi dalam perbincangan *maqasidiy* yang mana akan menyebabkan perbincangannya menjadi terlalu terbuka (pragmatik) atau menjadi terlalu tertutup (dogmatik) (Mahmood Zuhdi, 2017). Justeru kajian berhubung kaedah aplikasi ilmu Maqasid Syariah ini juga penting bagi membetulkan silap faham sesetengah ilmuwan mahupun institusi tertentu yang dilihat menyempitkan skop kajian berhubung Maqasid Syariah dalam konteks *kuliyat al-khamsah* semata-mata tanpa meraikan perbincangan sebenar yang sangat luas dalam ilmu Maqasid Syariah (Wan Mohd Yusof, 2017).

Selaras dengan kecenderungan kerajaan untuk mempromosi idea Maqasid Syariah dalam segenap lapangan, kefahaman yang mendalam berhubung ilmu ini juga perlu dipertingkatkan. Sebagai contoh, kerajaan telah mencetuskan idea Indeks Syariah Malaysia (ISM) pada tahun 2014 (JAKIM, 2017).

Indeks ini berperanan sebagai satu kaedah pengukuran saintifik yang mengukur sejauh mana usaha yang telah dilaksanakan dalam dasar dan program kerajaan bagi mencapai matlamat Maqasid Syariah. Masalahnya, ISM yang dikeluarkan pihak JAKIM (2017) ini telah menerima kritikan daripada pelbagai pihak terutamanya apabila pihak kerajaan mengumumkan kadar peningkatan skor ISM daripada 75.42 peratus pada tahun 2015 kepada 76.06 peratus pada tahun 2017. Terdapat sebilangan ilmuwan yang tidak bersetuju dengan indikator-indikator yang digunakan sebagai kayu ukur serta kaedah pelaksanaannya yang mana ia dilihat tidak memenuhi spesifikasi yang sebenar serta memerlukan kajian yang lebih menyeluruh (Muhammad Firdaus Zalani, 2018).

Secara lebih khusus, ISM diukur dalam lapan bidang utama iaitu prasarana, politik, budaya, sosial, kesihatan, ekonomi, pendidikan dan perundangan. Skop berkaitan kekeluargaan hanya wujud dalam tiga bidang iaitu sosial, politik dan perundangan bukannya dalam satu bidang yang khusus dan tersendiri (Nor Safina, 2017). Ukurannya pula bersifat umum serta tidak menonjolkan indikator-indikator asas dalam bidang kekeluargaan Islam. Justeru, satu kajian khusus perlu dibuat bagi memastikan skop kekeluargaan ini boleh diangkat menjadi satu bidang utama dalam ukuran ISM. Sekiranya tidak diletakkan di bawah satu bidang khusus sekalipun, sekurang-kurangnya indikator-indikator yang sedia ada perlu mencakupi keperluan sebenar sebuah keluarga Muslim dalam konteks negara Malaysia.

Kajian mengenai Maqasid Syariah dalam pembinaan indikator kesejahteraan keluarga Muslim adalah amat penting. Berdasarkan kepada pengetahuan pengkaji, tidak banyak kajian berhubung kesejahteraan keluarga menurut Maqasid Syariah dilakukan dalam konteks Malaysia. Namun, ini tidak dapat menafikan wujudnya beberapa penulisan yang amat membantu dalam kajian yang bakal dikemukakan ini sama ada karya dalam

bidang Maqasid Syariah, kekeluargaan Islam, tarbiah mahupun kajian-kajian kontemporari di Malaysia.

### **KAJIAN-KAJIAN BERHUBUNG MAQASID DALAM KESEJAHTERAAN KELUARGA**

Terdapat beberapa karya yang menjadi rujukan dalam bidang Maqasid Syariah antaranya kitab *Maqasid Nizam al-Usrah fi Tashri' al-Islami* tulisan Dawudiy (2015). Kitab ini berbeza daripada kebanyakan kitab Maqasid Syariah yang lain kerana ia tidak tertumpu kepada teori semata-mata sebaliknya menerangkan kaedah aplikasi secara terperinci. Kitab ini banyak memberi tumpuan dalam konteks *maqasid juz'iyah* sebuah keluarga Muslim.

Kekurangannya ialah ia disusun dalam bentuk perbincangan kitab fiqh Munakahat bukannya dalam bentuk indikator yang boleh diukur. Huraian pula tertentu kepada aspek perkahwinan, perceraian serta hak-hak dalam rumah tangga. Ia tidak menyeluruh kepada seluruh komponen yang patut ada dalam pembinaan keluarga seperti pembentukan individu, pendidikan anak-anak, pendidikan keibubapaan dan lain-lain. Perbincangan yang hampir sama dikemukakan dalam kitab *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah wa 'Alaqatuha bi Ahkam Fiqh al-Usrah* tulisan Qa'dan (2013).

Bagi mendapatkan kefahaman secara menyeluruh terhadap konsep dan pembahagian dalam ilmu Maqasid Syariah, penulis merujuk beberapa kitab asas seperti *al-Furuq* karangan al-Qarafiyy (2010), *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa Makarimuha* karangan al-Fasiyy (1993), *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah* karangan Ibn 'Ashur (2001), *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Shatibiyy* karangan al-Raysuniyy (1992), *'Alaqah Maqasid al-Shari'ah bi Usul al-Fiqh* karangan Ibn Bayyah (2012) dan *Ilm al-Maqasid al-Shari'ah* karangan al-Khadimiyy (2001). Kitab-kitab ini penting sebagai asas dalam pembinaan teori *maqasidiy* tetapi tidak banyak menjelaskan contoh-contoh aplikasi terutamanya dalam aspek kesejahteraan keluarga.

Kajian ini juga akan membahaskan dalam aspek berhubung *al-Maqasid al-Juziyyah* yang menekankan konsep rahsia, *illah*, tujuan dan hikmah dalam pensyariatannya. Justeru, tumpuan akan diberikan terhadap karya seperti *Ithbat al-'Ilal* karangan al-Hakim al-Tirmiziyy (1998), *Ihya Ulumiddin* karangan al-Ghazaliyy (2016), *Hujjah Allah al-Balighah* karangan al-Dihlawiyy (2015), *'Ilam al-Muwaqqi'in* karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2008) dan *Ahdaf al-Tashri' al-Islamiyy* karangan Muhammad Hasan Abu Yahya (1985). Kesemua kitab di atas melalui istilah yang berbeza membahaskan perihal nilai di sebalik pensyariatannya sesuatu hukum secara umum.

Antara karya pertama dalam bidang kekeluargaan Islam yang mencetuskan idea kepada penulis untuk mengkaji hal ini adalah penulisan seorang tokoh ilmuwan terkenal iaitu Sa'id Hawwa (1988) dalam kitabnya *Qawanin al-Bayt al-Muslim*. Beliau telah mengisyaratkan sepuluh jenis disiplin atau undang-undang keluarga yang perlu dihadap serta saling berkait rapat antara satu sama lain bermula daripada undang-undang kebersihan sehinggalah undang-undang masuk dan keluar rumah.

Karya ini sangat menarik kerana penulis tidak mengecilkan skop keluarga tersebut kepada isi rumah semata-mata bahkan menjadikan masyarakat sekeliling seperti jiran, sahabat, saudara-mara dan tetamu juga sebagai sebahagian daripada keluarga. Namun, kajian ini sebagaimana yang dinyatakan Sa'id Hawwa dalam muqadimah kitabnya, hanya berperanan sebagai *al-tarkiz* (pengfokusan) supaya masyarakat mengetahui elemen-elemen penting dalam kesejahteraan sebuah keluarga. Ia juga tidak membahaskan dari sudut aplikasi dengan ilmu Maqasid Syariah.

Kajian yang lebih lengkap dan menyeluruh terhadap sistem kekeluargaan Islam boleh dikesan dalam kitab *Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam* tulisan Nasih 'Ulwan (2008). Karya ini telah membuktikan betapa Islam mempunyai sistem pendidikan serta elemen kesejahteraan yang sempurna. Antara lain, dalam karya tersebut beliau telah membahaskan dengan terperinci konsep pendidikan dalam keluarga Islam yang mana ia adalah bermula sebelum terbinanya ikatan perkahwinan lagi. Namun, penumpuan beliau adalah lebih kepada bentuk pendidikan bukannya dalam bentuk indikator yang boleh

diukur dan dinilai. Buku ini juga disusun dari aspek pendidikan anak-anak (parenting skill) bukannya dari aspek pendidikan rumah tangga secara keseluruhan yang meliputi aspek kemahiran berpasangan (*couple skill*), kemahiran berkomunikasi (*communication skill*) dan kemahiran bermasyarakat (*community skill*).

Perbincangan berhubung Maqasid Syariah juga hampir tidak disentuh namun beliau banyak mengemukakan pelbagai kaedah dan nas-nas syarak di dalam kitab ini. Elemen-elemen Maqasid Syariah boleh dianalisis melalui dalil yang dikemukakan. Penulisan yang hampir sama wujud dalam kitab-kitab pendidikan anak-anak yang lain seperti *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li al-Tifl* tulisan Suwayd (1988).

Dalam konteks pembentukan sebuah rumah tangga, terdapat banyak penulisan moden yang membahaskan berhubung perkara ini seperti *al-Islam wa al-Ushrah al-Sa'adah* tulisan Mu'awwad 'Awad Ibrahim (1983), *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuha* tulisan al-Nahlawiyy (1986), *Memasuki Gerbang Perkahwinan* tulisan Jawatankuasa Penyemak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2008) dan *Cabaran, Halangan dan Pendekatan Strategik dalam Pembentukan Keluarga Bahagia* tulisan Che Noraini Hashim (2002).

Kesemua penulisan ini membahaskan tentang kekeluargaan dari aspek hukum-hakam, adab, sunnah dan garis panduan yang saling menguatkan antara satu sama lain. Kelemahan yang wujud dalam kitab-kitab kekeluargaan Islam ini dan kebanyakan kitab lain yang ditulis dalam bahasa Arab ialah laras bahasa yang meleret-leret serta berlaku pengulangan fakta dan dalil. Justeru, ia perlu diolah dan disusun semula dalam bentuk yang lebih mudah difahami, teratur serta mampu memenuhi keperluan sebenar dalam sebuah keluarga Muslim kontemporari.

Berkenaan indikator kesejahteraan keluarga Islam secara khusus di Malaysia, penulis belum dapat mengesan sebarang penulisan yang cuba mengolah kesemua konsep ini secara bersepadu. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melakukan satu penyelidikan khusus untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di negara ini melalui Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011.

Indeks ini sangat bermanfaat sebagai satu penunjuk aras tetapi ia masih tidak boleh dijadikan suatu indikator yang paling tepat kerana ia tidak memfokuskan terhadap kesejahteraan keluarga Islam semata-mata. Bahkan ia mengkaji secara umum terhadap seluruh rakyat Malaysia yang berbilang agama (LPPKN, 2011). Nur Zahidah Hj. Jaafar (2011) juga banyak membahaskan tentang konsep sebenar kebahagiaan namun tiada sebarang indikator dibuat bagi mengaplikasikannya dalam suasana masyarakat Islam di Malaysia.

## RUMUSAN

Kesejahteraan keluarga yang menyeluruh dapat dicapai apabila elemen-elemennya dapat dikenalpasti dengan sempurna. Ia wujud secara terasing dalam penulisan Islam menerusi kitab fiqh kekeluargaan Islam juga menerusi kitab Maqasid Syariah dan kajian-kajian kontemporari di Malaysia. Masyarakat kini tidak memahaminya lantaran kajian mengenainya masih kurang serta tidak disusun dalam satu garis panduan yang jelas.

Tidak dinafikan, banyak pihak sama ada individu, kerajaan mahupun badan bukan kerajaan menunjukkan keprihatinan terhadap aspek kesejahteraan keluarga dan aspek Maqasid Syariah secara umum. Pelbagai konsep, pendekatan mahupun indikator ditetapkan demi memastikan bahawa setiap keluarga mampu berada dalam zon kesejahteraan yang didefinisikan. Pelbagai langkah juga diambil demi memantapkan institusi kekeluargaan bermula dengan kursus perkahwinan, insentif hinggalah kepada elemen perundangan.

Begitupun, kajian yang dibuat ini tidak memfokuskan terhadap proses mengaplikasikan prinsip-prinsip Maqasid Syariah dalam kesejahteraan keluarga menurut Islam. Hal ini mungkin kerana belum dijumpai secara khusus suatu karya atau garis panduan kursus mengenainya. Justeru demi memahami Maqasid Syariah dalam pembinaan indikator kesejahteraan keluarga menurut Islam, satu kajian yang serius dan

terfokus perlu dibuat demi memastikan ia mampu diaplikasi dalam konteks masyarakat kontemporari.

## RUJUKAN

- AADK, Agensi Antidadah Kebangsaan. 2005. *Buku Maklumat Dadah 2015*. Kuala Lumpur: Bahagian Dasar, Perancangan dan Pendidikan, Agensi Antidadah Kebangsaan.
- Abdullah Hussain. 2017. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sulong, Siti Nurfairuz. 2010. *Faktor-Faktor Yang Mempunyai Hubungan Dengan Pembentukan Keluarga Bahagia: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan, UTM*. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Che Noraini Hashim. 2002. *Cabaran, Halangan dan Pendekatan Strategik Dalam Pembentukan Keluarga Bahagia*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Dawudiyy, 'Abd al-Qadir. 2015. *Maqasid Nizam al-Ushrah fi Tashri' al-Islamiyy*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Fasiyy, 'Allal. 1993. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Al-Dar al-Bayda': Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- Al-Ghazaliyy, Muhammad ibn Muhammad. 2016. *Ihya 'Ulum al-Din*. Bayrut: Dar Kutub 'Ilmiyyah.
- JAKIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2017. *Info Ringkas Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia 2017*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jawatankuasa Penulis dan Penyemak. 2008. *Memasuki Gerbang Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Hakim al-Tirmiziyy, Muhammad bin 'Aliyy. 1998. *Ithbat al-'Ilal*. T.tp: Matba'ah al-Nahdah al-Jadidah.
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir. 2001. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. 'Amman: Dar al-Nafis.
- Ibn Bayyah, 'Abdullah. 2012. *Mashahid Min al-Maqasid*. Al-Riyad: Wujuh Publishing & Distribution House.
- Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. 2008. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Saudi: Dar Ibn al-Jawziyy.
- Al-Khadimiyy, Nur al-Din Mukhtar. 2001. *'Ilm al-Maqasid al-Shari'ah*. Riyad: Obeikan Publishers.
- LPPKN, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. 2013. *Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid. 2017. *Limitasi Penggunaan Prinsip Maqasid Syariah dalam Menentukan Hukum, Muzakarah Pakar Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Berlandaskan Maqasid Syariah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Muhammad Hasan Abu Yahya. 1985. *Ahdaf al-Tashri' al-Islamiyy*. 'Amman: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Muhammad 'Uqlah. 1991. *Al-Islam, Maqasidihu wa Khasa'isuhu*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithiyyah
- Al-Nahlawiyy, 'Abd al-Rahman. 1986. *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuha*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Nasih 'Ulwan, 'Abdullah. 2008. *Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Dar al-Salam.
- Qa'dan, Ahmad Mahmud. 2013. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha bi Ahkam Fiqh Ushrah*. 'Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Qarafiiyy, Abu al-'Abbas Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. 2010. *Al-Furuq*. Riyad: Wizarah al-Awqaf al-Sa'udiyyah.
- Al-Qaradawiyy, Yusuf. 2006. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah: Dirasat fi Qadaya al-Manhaj wa Majalat al-Tatbiq*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.

- Al-Raysuniyy, Ahmad. 1992. *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibiyy*. t.tp: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Raysuniyy, Ahmad. 2000. *Al-Fikr al-Maqasidiyy wa Qawa'iduhu wa Fawa'iduhu*. Al-Ribat: Jaridah al-Zaman.
- Sa'id Hawwa. 1988. *Qawanin al-Bayt al-Muslim*. Kaherah: Mu'assasah al-Khalij al-'Arabiyy.
- Suwayd, Muhammad Nur bin 'Abd al-Hafiz. 1988. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li al-Tifl*. Kaherah: Dar al-Taba'ah wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Al-Suyutiyy, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 2006. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' al-Shafi'iyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Zuhayliyy, Wahbah. t.th. *Al-Usrah al-Muslimah fi al-'Alam al-Mu'asir*. Dimashq: Dar al-Fikr.

### **Jurnal**

- Gabriel Schafer. 2011. *Family Functioning in Families with Alcohol and Other Drug Addiction*. Social Policy Journal of New Zealand Te Puna Whakaaro. Issue 37.
- Al-Hadi, H.M. Abdullah. 1993. *Faktor-Faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan antara Penyalahguna Dadah dengan Bukan Penyalahguna Dadah*. Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 1 (1).
- Jawiah Dakir. 1996. *Asas Pembentukan Keluarga Menurut Perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam, 17.
- Nur Zahidah Hj. Jaafar dan Raihanah Hj. Azahari. 2011. *Model Keluarga Bahagia Menurut Islam*. Jurnal Fiqh, No. 8.

### **Kertas Kerja Persidangan**

- Nor Safina Zainal. 2017. *Pengukuhan Institusi Kekeluargaan di Malaysia*. Muzakarah Pakar Pengukuhan Institusi Kekeluargaan berlandaskan Maqasid Syariah. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik. 2017. *Pengenalan Ilmu Maqasid Syariah*, Seminar Asas Maqasid Syariah 2.0. Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin.

### **Internet**

- Indeks Syariah Malaysia: Jujurlah dalam Mendaulatkan Islam di Malaysia. [muis.org/2017/08/indeks-syariah-malaysia-jujurlah-dalam-mendaulatkan-islam-di-malaysia/](http://muis.org/2017/08/indeks-syariah-malaysia-jujurlah-dalam-mendaulatkan-islam-di-malaysia/). (diakses pada 31 Januari 2018).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*